

TARIKH	AHAD, 9 MAC 2025
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	E – WASTE, ASET BERNILAI RM117.5 JUTA DIRAMPAS
M/S	18
BIDANG	WASTE
KATA KUNCI	WASTE

## Nasional

9 Mac 2025 BH AHAD

### Ops Hazard

# e-waste, aset bernilai RM117.5 juta dirampas

22 termasuk 21 warga asing ditahan dalam serbuan dua kilang di Pulau Pinang dan Perak

Oleh Muhammad Zulsyamini Sufian Suri  
bhnews@bh.com.my

**Ipoh:** Pasukan Gerakan Am (PGA) menahan 22 individu termasuk 21 warga asing selepas menyerbu dua kilang berasingan di Pulau Pinang dan Perak yang menjalankan aktiviti kitar semula khususnya sisa elektronik (e-waste), dengan rampasan keseluruhan bernilai RM117.5 juta.

Komander Briged Utara PGA Ulu Kinta, Senior Asisten Komisioner Shahrudin Hashim, berkata serbuan pertama Ops Hazard bagi Zon Utara di Simpang Ampat, Pulau Pinang yang menjalankan aktiviti kitar semula e-waste, dilaksanakan pada Rabu lalu.

Operasi dikendalikan Cawangan Risik Batalion 3, Risik Batalion 1 PGA bersama Jabatan Alam



Pegawai JAS Pulau Pinang membuat serbuan terhadap kilang yang menjalankan aktiviti kitar semula sisa e-waste di Ipoh.

(Foto ihsan Briged Utara PGA Ulu Kinta)

Sekitar (JAS) Pulau Pinang itu menahan tiga individu membabitkan seorang warga tempatan dan dua warga Myanmar, di kilang yang beroperasi tanpa lesen, mahupun surat kelulusan JAS.

#### Gajikan pekerja asing

“Operasi dijalankan pada jam 10 pagi hingga 12 tengah malam 5 Mac lalu itu mendapati kilang berkenaan menggajikan pekerja warga asing, masing-masing seorang lelaki dan wanita yang tiada dokumen sah.

“Anggaran nilai keseluruhan rampasan di kilang itu RM106,774,000 yang membabitkan RM60.5 juta nilai e-waste yang dirampas, nilai jentera (RM750,000), nilai mesin (RM43 juta) dan nilai bijih besi (RM2.5 juta),” katanya menerusi kenyataan.

Shahrudin berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 bersama Seksyen 18 (1) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Serbuan kedua dijalankan Cawangan Risik Briged Utara,

Risik Batalion 1 bersama JAS Perak pada tarikh sama dan menahan 19 warga asing di sebuah kilang plastik di Sungkai, Perak.

Serbuan kilang memproses kitar semula buangan sisa berjadual secara tidak sah itu membabitkan nilai rampasan keseluruhan RM10.75 juta.

“Briged Utara PGA sedang giat melakukan pengawasan dan rondaan di sekitar Perak, Pulau Pinang dan Kedah bagi mengekang aktiviti yang menyalahi undang-undang,” katanya.

DISEDIAKAN  
OLEH

1-PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM